

**UNTUK SIARAN SEGERA
KENYATAAN AWAL**



PENGESAHAN DARI UDA BERKENAAN JANGKITAN COVID-19

Kuala Lumpur, 2 Mac 2020 – UDA Holdings Berhad (UDA) mengesahkan bahawa salah seorang Ahli Lembaga Pengarah telah disahkan positif coronavirus (Covid-19). Individu terbabit telah menjalani ujian pengesanan dan dilaporkan positif, baru-baru ini. Individu berkenaan dimaklumkan dikuarantin di salah sebuah hospital kerajaan.

Berdasarkan perkara di atas, UDA dalam usaha mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengenal pasti individu yang berurusan secara dekat dengan individu terbabit. UDA turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa berhubung perkara ini.

Dalam masa yang sama, pihak pengurusan UDA turut komited menjalankan tindakan sewajarnya bagi mengatasi penularan kes ini khususnya dalam kalangan warga kerja UDA. Usaha ini diambil demi mengutamakan kesihatan dan keselamatan semua kakitangan. Langkah pencegahan turut diperkemaskan di UDA termasuk di bahagian anak syarikat seperti AnCasa Hotel Kuala Lumpur (AHKL) bagi mengatasi penularan wabak ini.

Pihak pengurusan UDA turut menegaskan bahawa tiada kes dilaporkan di hotel berkenaan membabitkan *in-house guest* dan perniagaan berjalan seperti biasa. Pihak AHKL juga telah mengambil langkah-langkah sewajarnya dengan menggunakan garis panduan (SOP) KKM untuk kerja-kerja *sanitize* seluruh kawasan hotel. Pihak UDA & AHKL juga akan terus mengamalkan langkah proaktif itu dari semasa ke semasa.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Radziah Mohamed Fadzil** | radziah@udanet.com | +6017 337 7630
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855